




Istilah

Laporan Ekonomi 2014/2015

I S T I L A H

Agregat Monetari	Butiran kewangan yang membentuk penawaran wang secara keseluruhan.
Akaun Barangan (BOP)	Semua urusan niaga barangan yang melibatkan pertukaran hak milik antara residen dan bukan-residen adalah diliputi. Barangan dinilai berdasarkan harga pasaran.
Akaun Kewangan (BOP)	Akaun kewangan mengukur aset dan liabiliti bersih Malaysia kepada negara lain di dunia. Ia diklasifikasikan mengikut kategori fungsi iaitu pelaburan langsung, pelaburan portfolio, derivatif kewangan, aset rizab dan pelaburan lain. Akaun kewangan mencerminkan bagaimana lebihan dalam akaun semasa digunakan atau bagaimana defisit dibiayai. Oleh itu, lebihan mungkin dicerminkan oleh pelaburan luar negeri atau pemberian pinjaman ke luar negeri atau pengumpulan aset rizab.
Akaun Perkhidmatan (BOP)	Perkhidmatan adalah hasil daripada aktiviti pengeluaran yang melibatkan perubahan keadaan unit pengeluaran, atau memenuhi pertukaran produk atau aset kewangan. Perkhidmatan bukan secara umum dipisahkan kepada item di mana hak milik boleh diwujudkan dan tidak boleh secara umum dipisahkan daripada pengeluaran mereka.
Akaun Semasa (BOP)	Ia mengukur peruntukan bersih sumber sebenar iaitu barangan, perkhidmatan, pendapatan primer dan sekunder kepada atau daripada seluruh dunia. Lebihan dalam akaun berlaku apabila pendapatan melebihi perbelanjaan, manakala defisit berlaku jika ia sebaliknya. Defisit dalam akaun semasa mungkin dibiayai oleh aliran masuk pelaburan asing atau pinjaman luar negara atau penggunaan dalam aset rizab.
Aktiviti Hiliran	Pengeluaran yang melibatkan pemprosesan lanjut bagi meningkatkan nilai ditambah keluaran terbaharu di pasaran.
Aktiviti Hulu	Pengeluaran sumber asli untuk pemprosesan selanjutnya seperti di dalam aktiviti perlombongan yang melibatkan eksplorasi dan aktiviti menggali minyak mentah serta gas.
Aset	Semua harta tahan lama seperti kediaman, bangunan dan jentera serta harta semasa termasuk pelaburan dan simpanan wang.
Bayaran Khidmat Hutang	Bayaran faedah ke atas hutang yang ditanggung.

Pendapatan Sekunder (BOP)	Pendapatan sekunder meliputi transaksi ekonomi yang tidak berbalas. Ia merekodkan entri pengimbang yang diperlukan dalam sistem catatan beregu dalam BOP, iaitu apabila sumber (barangan, perkhidmatan dan aset kewangan) dibekalkan tanpa menerima balasan yang mempunyai nilai ekonomi.
Pendapatan Primer (BOP)	Pendapatan primer meliputi dua jenis transaksi iaitu pampasan pekerja dan pendapatan pelaburan antara residen dan bukan residen. Pampasan pekerja merujuk kepada upah, gaji dan faedah lain (dalam bentuk tunai atau barangan) yang diterima oleh pekerja residen yang bekerja di luar negeri atau yang dibayar kepada pekerja bukan residen yang bekerja di Malaysia.
Cukai Langsung	Cukai yang dikenakan secara langsung kepada pembayar cukai seperti cukai pendapatan.
Cukai Tidak Langsung	Cukai yang dikenakan ke atas barangan atau perkhidmatan.
Emolumen	Gaji dan elaun yang berkaitan.
Faedah Berbanding	Faedah yang didapati oleh negara yang berdagang hasil daripada keupayaan bersaing, kecekapan dan potensi semulajadinya.
Halangan-halangan Bukan Tarif	Segala tindakan Kerajaan yang bukan berbentuk cukai yang boleh mengubah corak perdagangan biasa, termasuk had-had kuantitatif, subsidi, amalan pembelian Kerajaan serta halangan teknik terhadap perdagangan.
Harga Purata Wajaran	Harga purata bagi semua jenis keluaran yang diwajibkan mengikut sumbangan kepada jumlah jualan.
Harga Semasa atau Nilai Semasa	Nilai barangan dan perkhidmatan yang mengambil kira perubahan harga.
Harga Tetap atau Nilai Benar	Nilai semasa barangan dan perkhidmatan ditolak perubahan harga semasa atau nilai yang diukur pada harga tahun asas.
Hasil Bukan Cukai	Hasil yang diperoleh daripada sumber bukan cukai seperti lesen dan permit serta bayaran perkhidmatan.
Hutang Dalam Negeri	Pegangan sekuriti hutang Kerajaan Persekutuan dalam denominasi ringgit oleh pemastautin dan bukan pemastautin.

Hutang Luar Negeri	Tanggungan hutang oleh Kerajaan Persekutuan, perusahaan awam dan sektor swasta kepada negara luar atau institusi kewangan luar negeri serta pegangan oleh bukan pemastautin ke atas sekuriti hutang dalam denominasi ringgit, deposit oleh bukan pemastautin dan kredit perdagangan dalam denominasi ringgit oleh bukan pemastautin.
Imbangan Pembayaran (BOP)	Rekod urus niaga sesebuah negara dengan negara lain, iaitu akaun urus niaga antara penduduk sesebuah negara dengan penduduk negara lain.
Indeks Harga Pengeluar	Indeks ini berasaskan kepada formula Laspeyres dan dibentuk untuk mengukur perubahan harga komoditi yang dikenakan oleh pengeluar tempatan dan yang dibayar oleh pengimport bagi mengimport barangan ke Malaysia. Tahun asas terkini yang diguna pakai oleh indeks ini ialah tahun 2005.
Indeks Harga Pengguna	Indeks ini berasaskan kepada formula Indeks Laspeyres yang mengukur perubahan peratus kos pembelian mengikut masa bagi “bakul” tetap barangan dan perkhidmatan yang mewakili corak purata pembelian oleh sekumpulan penduduk pada sesuatu tempoh masa yang ditetapkan. “Bakul” ini merujuk kepada barangan dan perkhidmatan yang mempunyai kualiti dan kuantiti yang seakan-akan sama atau tidak berubah, mengandungi item yang berada lama atau boleh diukur secara berterusan di pasaran berbanding dengan masa. Tahun asas terkini yang diguna pakai oleh indeks ini ialah tahun 2010.
Indeks Komposit Kuala Lumpur FTSE Bursa Malaysia (FBM KLCI)	Indeks Komposit Kuala Lumpur FTSE Bursa Malaysia (FBM KLCI) terdiri daripada 30 syarikat dengan permodalan pasaran terbesar telah menggantikan Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI) yang mempunyai 100 syarikat komponen sebagai indeks tanda aras mulai 6 Julai 2009. Langkah perubahan indeks tanda aras pasaran utama Malaysia kepada metodologi FTSE sejajar dengan keperluan pelabur global bagi menilai indeks yang berkeupayaan untuk diniagakan, yang boleh dilaburkan dan telus.
Jurang Tabungan Pelaburan	Perbezaan di antara tabungan dan pelaburan iaitu mengukur kedudukan sumber negara, termasuk sektor swasta dan awam.
Kadar Pinjaman Asas (BLR)	Kadar pinjaman asas yang ditawarkan oleh institusi perbankan kepada pelanggan utama mereka yang mempunyai tahap kualiti kredit yang tinggi. Kadar ini juga tertakluk kepada struktur kos dana dan strategi perniagaan setiap institusi perbankan tersebut.

Kawasan Perdagangan Bebas	Satu peraturan perdagangan di mana ahli-ahli menghapuskan tarif sesama sendiri tetapi adalah bebas untuk mengenakan tarif ke atas negara ketiga.
Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK)	Jumlah nilai barangan dan perkhidmatan yang dikeluarkan di Malaysia dalam tempoh tertentu selepas ditolak kos barang dan perkhidmatan yang digunakan dalam proses pengeluaran.
Keluaran Negara Kasar (KNK)	Jumlah nilai pendapatan negara. PNK berbeza dengan KDNK kerana PNK mengambil kira penerimaan dan bayaran perkhidmatan faktor, iaitu bayaran bersih faedah hutang di luar negeri dan perolehan bersih daripada keuntungan perniagaan dan dividen.
Kesatuan Eropah	Persatuan 28 negara Eropah yang bertujuan mewujudkan kawasan yang membenarkan antara lain, pergerakan bebas barangan, modal, perkhidmatan dan buruh di kalangan mereka. Kesatuan ini dianggotai oleh Belanda, Ireland, Portugal, Sepanyol, Jerman, Itali, Belgium, Luxembourg, Greece, United Kingdom, Perancis, Denmark, Austria, Finland, Sweden, Cyprus, Republik Czech, Estonia, Hungary, Latvia, Lithuania, Malta, Poland, Slovakia, Bulgaria, Romania, Slovenia dan Croatia.
Perjanjian Kongsi Pengeluaran	Kontrak pengeluaran petroleum iaitu di antara PETRONAS dengan syarikat minyak yang lain atau syarikat carigali.
Kumpulan Wang Bekalan Air	Satu kumpulan wang yang diwujudkan oleh kerajaan negeri untuk membiayai perkhidmatan bekalan air.
Kumpulan Wang Pembangunan	Dana kewangan yang dikhaskan untuk perbelanjaan pembangunan.
Nilai Ditambah	Perbezaan antara nilai 'output' dan nilai 'input' sesuatu keluaran.
Nisbah Khidmat Hutang Luar	Bayaran balik pokok dan faedah hutang luar negeri sebagai peratus kepada nilai eksport barangan dan perkhidmatan negara kasar.
Pelaburan	Perbelanjaan ke atas pembentukan modal tetap dengan tujuan mendapat pulangan pada masa hadapan. Pembentukan modal tetap ini merupakan perbelanjaan pelaburan ke atas jentera, loji dan seumpamanya serta perbelanjaan bagi memajukan tanah dan membina bangunan.

Penawaran Wang	Penawaran wang secara keseluruhannya mengandungi M1, M2 dan M3. M1 adalah merujuk kepada mata wang dalam edaran dan deposit semasa sektor swasta. M2 pula mengandungi M1 dan separuh wang secara kecil. Sementara M3 mengandungi M2 dan deposit yang disimpan dengan institusi perbankan yang lain.
Penggunaan	Perbelanjaan ke atas barangan dan perkhidmatan akhir untuk kegunaan semasa dan bukan bertujuan untuk menghasilkan keluaran.
Perbelanjaan Mengurus	Perbelanjaan yang dibuat untuk tujuan mengurus atau keperluan semasa.
Perbelanjaan Pembangunan	Perbelanjaan untuk membiayai projek-projek pembangunan.
Pinjaman Pasaran	Pinjaman yang diperolehi daripada pasaran wang antarabangsa.
Pinjaman Projek	Pinjaman yang dibuat khas untuk pembiayaan sesuatu projek.
Aset Rizab	Aset rizab merujuk kepada tuntutan BNM terhadap bukan residen bagi memenuhi keperluan BOP. Aset ini terdiri daripada pegangan BNM terhadap SDR, Kedudukan Dana Rizab Malaysia, Emas & Tukaran Asing dan Sumber IMF.
Rundingan Perdagangan Pelbagai Hala	Rundingan di bawah anjuran Perjanjian Am mengenai Tarif dan Perdagangan untuk mengurangkan tarif supaya pemakaiannya dapat digunakan kepada kesemua negara anggota.
Tabungan	Lebih pendapatan sama ada di sektor swasta atau awam, setelah ditolak perbelanjaan penggunaan.

